

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/8 Jld.2 (19)
Tarikh : 20 Disember 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

RALAT PENYEDIAAN SIJIL PERAKUAN PANJAR – PANJAR WANG RUNCIT (PWR) AKHIR 2022

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita menarik perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, berkaitan Arahan Perbendaharaan 113 (f) yang menyatakan bahawa:

*“Pada penghujung tahun semua Pemegang Panjar hendaklah mengemukakan satu salinan Sijil Perakuan Panjar bersama-sama rekupmen terakhir bagi tahun tersebut kepada **Akauntan Negara** dengan satu salinan kepada **Ketua Audit Negara**. Sijil Perakuan Panjar perlu dikemukakan bersama-sama rekupmen akhir ke Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat dan apungan berada”.*

3. Sehubungan dengan itu, semua Pemegang Panjar di Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diminta untuk memastikan dokumen berkaitan Sijil Akhir Panjar disediakan berdasarkan Tatacara Penyediaan Sijil Perakuan Panjar (Lampiran A) seperti berikut:

- i. Sijil Perakuan Panjar, Lampiran I dan Lampiran II bertarikh **31 Disember 2022**;
- ii. Salinan dokumen Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar (Terakhir) dicap / ditulis Rekupmen Terakhir dan disahkan; dan
- iii. Buku Wang Runcit

4. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk mematuhi arahan berikut:

- i. Semua Pemegang Panjar di PTJ diminta untuk mengemukakan dua (2) set dokumen asal;
- ii. Sijil Perakuan Panjar boleh dicetak mulai **31 Disember 2022**;
- iii. Sijil Perakuan Panjar perlu dikemukakan kepada Unit Akaun, JANM Negeri Perak selewat-lewatnya pada 6 Januari 2023 (Jumaat); dan
- iv. Sebarang transaksi panjar bagi tahun kewangan yang baharu (2023) hanya boleh dilakukan setelah Sijil Perakuan Panjar pada **31 Disember 2022** dicetak.

5. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh menghubungi Pn. Khairiah Bt Ramli, Unit Akaun, JANM Negeri Perak di talian 05-2462154. Perhatian dan komitmen daripada pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah perlu bagi memastikan proses Penutupan Akaun Akhir Tahun berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK